

BULETIN UTHM

Bil.11 November 2024 | ISSN 2232-0415



宁波职业技术学院
Ningbo Polytechnic



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UTHM-MALAYSIA CENTER

中马职业技能与文化中心

CHINA-MALAYSIA TVET&CULTURE CENTER

**UTHM- Ningbo Polytechnic terus jalin
kerjasama bidang akademik dan penyelidikan**

ISSN 2232-0415



UTHM Johor

subscribe
UTHM TV
www.uthm.edu.my



Global Technopreneur
University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM- Ningbo Polytechnic terus jalin kerjasama bidang akademik dan penyelidikan
- 2 UTHM sertai World Vocational and Technical Education Development Conference 2024, perkukuh kerjasama antarabangsa bidang TVET
- 4 Penyelidik UTHM berjaya temui spesies primat hampir pupus di Pahang
- 6 Pemilihan MPP UTHM catat 88.12 peratus turun mengundi
- 7 UTHM bantu Orang Asli Leboh nikmati bekalan air terawat hasil penggunaan tenaga solar
- 9 UTHM raih tempat kelima 'Anugerah Universiti Terbaik' program MOHE-MDEC GOT dan Anugerah Pencapaian Cemerlang Kategori Universiti
- 11 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



UTHM- Ningbo Polytechnic terus jalin kerjasama bidang akademik dan penyelidikan



CHINA – Bagi meneruskan hubungan kerjasama yang seterusnya, satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTHM dan Ningbo Polytechnic (NBPT) telah diadakan pada 25 November 2024 lalu bertempat di politeknik tersebut.

UTHM diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim dan NBPT diwakili oleh presidennya, Prof. WU Xiangpeng.

Untuk rekod, UTHM dan NBPT telah menjalin hubungan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan sejak 2018 lagi.

Kunjungan ke Politeknik tersebut yang berlangsung pada 23 hingga 27 November 2024 bertujuan untuk memperkukuh lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan China.

Lawatan kerja itu juga bagi membuka peluang dan ruang kerjasama dengan institusi lain yang dipercayai dapat meningkatkan lagi keterlihatan UTHM di peringkat antarabangsa.

Melalui kerjasama UTHM-NBPT, delegasi UTHM telah melawat beberapa industri seperti Haitian Group dan Lynk & Co Automotive Technology Co., Ltd. (Lynk & Co) yang terletak di Ningbo, China.

Lawatan itu juga secara tidak langsung membuka peluang kerjasama yang luas kepada UTHM seperti kerjasama dalam penempatan latihan kepada pelajar, pensyarah dan pekerja industri.

Selain itu, program mobiliti pelajar yang dibincangkan melibatkan kerjasama dengan NBPT dan kedua-dua industri tersebut dijangka dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada universiti dan industri sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang

Pelbagai potensi dapat direalisasikan seperti pertukaran pelajar/staf, latihan industri termasuklah Work based learning (WBL), kerjasama dalam aktiviti penyelidikan dan penyeliaan serta aktiviti pengantarabangsa seperti adaptasi bahasa dan kebudayaan dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

Naib Canselor dan delegasi UTHM turut mengunjungi *teaching factory* (Faculty of Haitian) di NBPT dan UTHM-Malaysia Center.

Hasil kunjungan tersebut turut membuktikan bahawa NBPT sentiasa bersedia untuk menjalin kerjasama dua hala dengan UTHM pada masa ini dan akan datang.



UTHM sertai World Vocational and Technical Education Development Conference 2024, perkukuh kerjasama antarabangsa bidang TVET

TIANJIN, 26 Nov 2024 - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengambil bahagian dalam World Vocational and Technical Education Development Conference (WVTEDC) 2024 yang diadakan di Tianjin, China anjuran Tianjin University of Technology and Education.

Penyertaan yang diketuai oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim turut disertai Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Ts. Dr. Mohd Hasil Amirudin bersama dua staf.

Inisiatif seumpama itu bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan antarabangsa dan mempromosikan pendidikan teknikal dan vokasional di peringkat global.

Persidangan itu merupakan platform penting bagi negara-negara di seluruh dunia untuk bertukar pandangan, idea dan amalan terbaik dalam bidang TVET.

Beberapa aktiviti utama yang disertai oleh delegasi UTHM termasuk Persidangan Pertama dalam World TVET League, Thematic Exhibition on Vocational Education, Seminar/Parallel Sessions, serta World Vocational College Skills Competition Championship.

World TVET League adalah acara yang bertujuan untuk mempromosikan kecemerlangan dalam pendidikan vokasional dan teknikal, yang mana

institusi pendidikan di seluruh dunia bersaing dan berkongsi pengalaman serta pencapaian dalam memajukan kemahiran profesional.

UTHM melalui penglibatannya, menunjukkan komitmen universiti dalam menyokong perkembangan pendidikan vokasional yang relevan dan berdaya saing.

Dalam Thematic Exhibition on Vocational Education at WVTEDC 2024, delegasi UTHM turut mengambil peluang untuk menimba pengalaman melalui pameran yang memfokuskan kepada inovasi dan perkembangan isu terkini dalam pendidikan vokasional dan teknikal.

Pameran ini menyediakan peluang untuk peserta berkongsi idea dan teknologi terkini yang boleh meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan vokasional global bersama industri.

Manakala melalui Seminar "Practical Innovation of Vocational Education Teachers' Professional Development" pula memberi fokus kepada pembangunan profesional pendidik vokasional.

Seminar tersebut menyediakan platform untuk para pendidik dari pelbagai negara untuk berkongsi pendekatan inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran vokasional.

UTHM sebagai penyumbang dalam sektor pendidikan vokasional, turut terlibat dalam seminar tersebut dengan mengemukakan cadangan-cadangan bagi meningkatkan kualiti pendidikan vokasional di peringkat global.

Delegasi UTHM turut menyertai sesi perbincangan ini, memberikan input penting mengenai pengalaman Malaysia dalam menyediakan pendidikan vokasional yang berkualiti dan relevan dengan keperluan semasa.

Selain itu, 2024 World Vocational College Skills Competition Championship juga menjadi acara utama dalam persidangan itu, yang mana peserta dari seluruh dunia bertanding dalam pelbagai kategori kemahiran vokasional.

UTHM menyaksikan pertandingan itu sebagai satu peluang untuk memahami trend dan keperluan terkini dalam bidang kemahiran serta untuk mengasah lagi kemahiran pelajarnya dalam bidang teknikal dan vokasional.

Penglibatan UTHM dalam persidangan itu adalah satu langkah strategik dalam memperkukuhkan kedudukan universiti sebagai peneraju dalam bidang pendidikan vokasional di Malaysia.

Penyertaan itu juga membuka peluang bagi UTHM untuk memperluaskan rangkaian kerjasama antarabangsa dan mempelajari amalan terbaik yang boleh diadaptasi dalam sistem pendidikan vokasional di Malaysia.

Penglibatan UTHM dalam World Vocational and Technical Education Development Conference 2024 membuktikan komitmen universiti dalam memajukan pendidikan vokasional dan teknikal di peringkat global, serta memperkukuhkan peranan Malaysia dalam pembentukan sistem pendidikan yang lebih inklusif dan mampan.





Penyelidik UTHM berjaya menemui spesies primat hampir pupus di Pahang

BATU PAHAT - Sekumpulan penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diketuai Profesor Madya Ts. Dr. Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar, dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), bersama pelajar PhD seliaan beliau, Norhidayah Haris telah berjaya menemui spesies primat yang hampir pupus iaitu Lotong Cenekah (*Presbytis femoralis*) di negeri Pahang.

Penemuan itu telah disahkan secara saintifik melalui penerbitan mereka bertajuk "*Ethnoprimatology reveals new extended distribution of critically endangered banded langur Presbytis femoralis (Martin, 1838) in Pahang, Malaysia: Insights from indigenous traditional knowledge and molecular analysis*" yang telah diterbitkan di jurnal terkemuka dunia iaitu *American Journal of Primatology* (Kuartil Q1 Web of Science) pada awal November 2024 lalu.

Menurut Dr. Latiff, kajian itu telah berjaya mengesahkan kehadiran spesies Lotong Cenekah secara saintifik di beberapa kawasan di negeri Pahang yang tidak pernah direkodkan sebelum ini melalui teknik etnozooologi, pemerhatian dan analisis perbandingan DNA dengan Lotong Cenekah di negeri Johor.

Untuk rekod, beliau dan pasukan telah menjalankan kajian ke atas spesies Lotong Cenekah itu sejak tahun 2015 kerana ancaman kepupusan dan jumlah populasi spesies itu yang sangat kecil.

Spesies itu sebelum ini hanya direkodkan di Johor dengan anggaran populasi sebanyak 500 ekor dan

populasi yang kecil sebanyak 70 ekor di Singapura, yang tidak dapat ditemui di kawasan lain.

"Penemuan ini bermula ketika saya dilantik sebagai ahli *Task Force* Penilaian Kelestarian Biosfera Tasik Chini di bawah Akademi Sains Malaysia (ASM), yang diketuai oleh Felo Akademi Sains Malaysia, Profesor Dato' Dr. Mohd Tajuddin Abdullah.

"Sebagai salah satu instrumen penilaian, saya dan pasukan telah menjalankan kajian etnozooologi atau kajian melibatkan interaksi antara masyarakat Orang Asli dengan hidupan liar.

"Masyarakat Orang Asli Jakun di Tasik Chini turut memaklumkan bahawa terdapat Lotong Cenekah di Tasik Chini dan maklumat yang sama telah diterima daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), sebelum pihak kami melihat perkara itu dengan lebih teliti," katanya.

Oleh kerana Lotong Cenekah mempunyai kelakuan yang sangat pemalu dan sering melarikan diri apabila mengetahui kehadiran manusia, usaha untuk menjalankan pemerhatian yang komprehensif dan sampel Deoxyribonucleic Acid (DNA) daripada najis bagi pengesahan di makmal perlu dilakukan dengan teliti dan berkala.

Penyelidikan berterusan yang telah dijalankan oleh Dr. Latiff dan pasukan di beberapa kawasan di Pahang termasuk di Tasik Chini, Tasek Bera, Rizab Hidupan Liar Tengku Hassanah, Krau dan beberapa kawasan lain turut dibantu oleh pihak Jabatan Perhilitan, Majlis

Biodiversiti Pahang (MBP) dan Profesor Dr. Badrul Munir Md Zain dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kajian yang telah dijalankan dengan dana yang diterima dari Kementerian Pengajian Tinggi melalui geran penyelidikan FRGS itu membuahkan hasil apabila mereka berjaya mengesahkan penemuan tersebut.

Lotong Cenekah atau nama saintifiknya *Presbytis femoralis* merupakan spesies primat pemakan daun yang dikategorikan sebagai sangat terancam atau *Critically Endangered* (CR) di bawah Senarai Merah Spesies Terancam (*Redlist of Threatened Species*) Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi (*International Union for Conservation - IUCN*).

Lotong cenekah yang merupakan salah satu dari 25 spesies primat yang bertaburan di Malaysia terdedah kepada pelbagai ancaman, antaranya ialah kemusnahan habitat dan pemburuan haram.

Lotong Cenekah itu juga sering disamakan dengan Lotong Celak yang mempunyai taburan yang lebih luas di Semenanjung Malaysia hingga Selatan Thailand yang menyebabkan masyarakat sering menganggap kedua-dua spesies ini adalah sama.

Ciri fizikal yang paling jelas untuk masyarakat umum membezakan kedua-dua spesies ini ialah Lotong celak memiliki warna putih di sekeliling mata yang jelas dan bulu anak yang baru lahir berwarna kuning keemasan, berbeza dengan Lotong Cenekah dengan pewarnaan mata dan anak yang baru lahir mempunyai bulu yang berwarna kelabu.

Selain itu, spesies Lotong Cenekah juga sering dianggap sama dengan spesies Lotong yang lain yang boleh dijumpai di Semenanjung Malaysia seperti Lotong Kakoh, Lotong Kekeh dan Lotong Kelabu.

Ini adalah kerana di Semenanjung Malaysia, kesemua spesies ini dirujuk dengan nama Lotong secara umum dan sering menyebabkan kekeliruan.

"Sebagai salah satu adaptasi untuk mengatasi masalah kemusnahan habitat dan kekurangan sumber makanan semula jadi, Lotong Cenekah sering memasuki kebun dan kawasan pertanian seperti kebun getah dan buah-buahan untuk memakan pucuk dan daun muda sebagai sumber makanan.

"Kelakuan Lotong Cenekah ini telah menimbulkan konflik bersama manusia dan dianggap sebagai musuh tanaman," ujarnya lagi.

Penemuan itu memberi nafas baharu dalam usaha pemuliharaan Lotong Cenekah di Malaysia kerana ia membuktikan habitat spesies ini lebih besar daripada anggaran sebelumnya iaitu hanya di Johor dan Singapura.

Masih banyak kajian yang perlu dijalankan untuk spesies Lotong Cenekah ini seperti kajian ekologi, kelakuan, genetik mahupun konflik manusia-hidupan liar.

Malah, kajian itu mencatat sejarah baharu bagi kajian interaksi Orang Asli dan Biodiversiti di Malaysia, sekali gus sebagai usaha pemuliharaan spesies dan memahami interaksi Orang Asli dan hidupan liar di negara ini.





Pemilihan MPP UTHM catat 88.12 peratus turun mengundi

BATU PAHAT, 15 Nov 2024 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencatatkan sebanyak 88.12 peratus turun mengundi pada Hari Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk sesi 2024/2025 yang berakhir pukul 6 petang semalam.

Peratusan pengundian itu adalah antara yang tertinggi pernah dicapai oleh universiti ini sejak sistem e-Voting UTHM diperkenalkan pada tahun 2005.

Dalam pemilihan tersebut, tiga fakulti mencatatkan peratusan mengundi tertinggi iaitu Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (94.33%), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (92.94%) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (91.85%).

Pengumuman keputusan rasmi tersebut dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MPP UTHM, Muhamad Hazim Osman.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq turut menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang telah melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi.

"Saya berharap calon-calon yang telah dipilih dapat melaksanakan mandat yang diberikan dengan amanah dan dapat berganding bahu dengan pihak

pengurusan universiti untuk membawa nama UTHM ke peringkat yang lebih tinggi dalam memastikan agenda universiti berjalan lancar.

"Saya juga berharap pelantikan MPP yang baharu ini nanti dapat menjadi platform terbaik kepada para pelajar dalam menyuarakan hasrat dan pandangan mereka, sekali gus membantu melahirkan graduan yang bersifat holistik serta menjadi rebutan industri," katanya.

Untuk rekod, seramai 13936 pelajar daripada 15815 pelajar yang layak mengundi telah menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengundi bermula pada pukul 9 pagi sehingga 6 petang sepenuhnya secara dalam talian melalui sistem e-Voting UTHM.

13 calon bertanding bagi mengisi kuota lapan Kerusi Umum manakala 30 calon bertanding bagi mengisi 25 kuota di Kerusi Fakulti.





UTHM bantu Orang Asli Leboh nikmati bekalan air terawat hasil penggunaan tenaga solar

BATU PAHAT, 7 November 2024 – Komuniti Orang Asli Leboh, Kangkar Senangar akhirnya dapat menikmati kemudahan bekalan air bersih melalui kaedah merawat sumber air bawah tanah menggunakan tenaga solar.

Melalui dana yang telah diperoleh daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) iaitu Geran Komuniti Unimadani kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dengan kerjasama Ranhill SAJ Sdn. Bhd. dan Techkem Group Sdn. Bhd., program itu dilaksanakan bagi membantu Orang Asli Leboh menikmati air minuman melalui pemasangan teknologi rawatan air terkini yang dikenali sebagai sistem REWART.

Sistem tersebut menggunakan tenaga solar bagi merawat air bawah tanah di kampung itu lalu menukarkannya kepada air yang bersih dan boleh diminum.

seramai 50 kakitangan telah terlibat dalam 'Program Pemindahan Ilmu dan Tanggungjawab Sosial Korporat: Pembangunan Sistem Panel Penyulingan Lestari Melalui Cahaya Matahari Untuk Rawatan Air Bawah Tanah Orang Asli Leboh' yang diadakan di Kampung Lama Orang Asli Leboh, Kangkar Senangar.

Pihak yang terlibat termasuklah kakitangan dari Ranhill SAJ dan Techkem Group serta staf daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), UTHM dan penduduk Orang Asli leboh.

Selain itu, program itu juga turut memberi pendedahan kepada penduduk kampung berkaitan rawatan air

melalui pemindahan ilmu yang telah disampaikan oleh penceramah Dr. Mimi Suliza Muhamad yang merupakan Pensyarah FTK bersama Ir Dr. Chew Chun Ming, kakitangan Techkem Group.

Program tersebut telah disempurnakan oleh Dekan FTK Profesor Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Sukor.

Beliau dalam ucapannya berharap pelaksanaan program seumpama itu dapat memberi ilmu yang bermanfaat kepada komuniti Orang Asli dan semangat yang baharu kepada penduduk dalam menjalani kehidupan seharian.

"Program ini juga diharap dapat merancakkan lagi hubungan kerjasama antara universiti dan industri dalam membantu masalah komuniti sekali gus dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan sesama kita," katanya.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Ranhill, Haji Anuar Abdul Ghani dan Ketua Pegawai Eksekutif, Techkem Group, Datuk David Ng.

Sementara itu ketua kampung tersebut, Tok Lim Abdul Rahman turut menzahirkan penghargaan dan terima kasih beliau kepada UTHM, Ranhill SAJ dan Techkem Group atas usaha murni yang telah dilaksanakan.

"Sumbangan yang telah diberikan ini amat bermakna kepada kami sekali gus memberi sinar dan harapan baharu kepada seluruh penduduk kampung," katanya.





UTHM raih tempat kelima 'Anugerah Universiti Terbaik' program MOHE-MDEC GOT dan Anugerah Pencapaian Cemerlang Kategori Universiti

PUTRAJAYA, 6 Nov 2024 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih tempat kelima 'Anugerah Universiti Terbaik' bagi Program Global Outsourcing Talent (GOT) dan Anugerah Pencapaian Cemerlang' bagi kategori Universiti yang disandang oleh pelajar, Iman Nur Ashraf Zulkifli.

UTHM menerima anugerah itu di Majlis Penutupan program MOHE-MDEC GOT yang diadakan bagi meraikan kejayaan 5,518 peserta yang berjaya dilatih sebagai pekerja bebas digital atau 'freelancer' berkemahiran tinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud hadir merasmikan majlis tersebut.

Untuk rekod, program GOT anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah sebahagian daripada inisiatif di bawah payung PENJANA KPT-Career Advancement Programme (PENJANA KPT-CAP).

Program itu menyasarkan pelajar tahun akhir serta graduan, bagi membangunkan kemahiran digital mereka melalui latihan dalam bidang seperti Reka Bentuk Web, Media Kreatif, Pengurusan Media Sosial, Pembantu Maya, dan Linguistik.

Pengarah Pusat Teknousahawan Universiti (PTU), Profesor Madya Sr. Ts. Dr. Nazirah Mohamad Abdullah mewakili Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah menerima Plak berserta hadiah berupa Epson LCD Projektor dan Dynamax Portable Speaker.

Manakala Iman Nur Ashraf, pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang dinobatkan sebagai peserta terbaik UTHM pula membawa pulang hadiah berupa Galaxy Tab 9FE, atas kejayaannya meraih pencapaian tertinggi dalam kalangan peserta program GOT.

Menurut beliau, program seperti itu telah memberikan semangat kepadanya dan rakan-rakan peserta untuk bersaing di pasaran terbuka, selain dapat meningkatkan lagi keyakinan untuk terus berusaha pada masa hadapan.

Sementara itu, Dr. Nazirah pula berkata PTU amat berharap dapat melahirkan lebih ramai pelajar berminda keusahawanan dan menjadikan bidang tersebut sebagai kerjaya pilihan.

"PTU komited dalam menyediakan bimbingan, latihan dan sumber yang diperlukan agar mereka dapat mencipta perniagaan yang berdaya saing.

“Dengan sokongan yang kukuh, PTU percaya para pelajar mampu pergi lebih jauh bagi memperoleh kejayaan dalam perniagaan yang diceburi,” katanya.


Lebih manis lagi, Pengerusi Bukan Eksekutif MDEC, Tuan syed Ibrahim Syed Noh dalam ucapannya turut memberi penghargaan kepada pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Angelina

Tan Musi kerana berjaya memperoleh pendapatan dalam nilai mata wang USD.

“Pencapaian pelajar seumpama ini patut dijadikan contoh terbaik kepada kesemua universiti yang ada pada hari ini,” katanya.



Terbitan Terkini



RESEARCH METHODOLOGY PRACTICAL LABS AND GUIDES

Dr. SHAZAITUL AZREEN BINTI RODZALAN

PROF. Dr. NOR HAZANA BINTI ABDULLAH

PROF. MADYA Dr. NOR AZIATI BINTI ABDUL HAMID

978-629-490-106-3

Research Methodology: Practical Labs and Guides is a thorough guide designed to lead researchers through every phase of the research process, whether using quantitative or qualitative methods. It provides hands-on lab sheets and instructions for each research step, ensuring that researchers are well-equipped to plan, execute, and report their studies successfully. The book begins by introducing fundamental research concepts and differentiating between quantitative and qualitative methodologies, setting a strong foundation for the research journey. The book will guiding researchers on selecting a research topic and effectively searching for relevant literature using Mendeley software. Next, the section on formulating a problem statement helps researchers refine and clarify their research problem, creating a clear focus for their inquiry. This book also includes labs on developing a literature review matrix (LR Matrix) to synthesize existing research, formulate focused research questions, and conceptualize and operationalize variables. In addition, it covers labs on designing surveys and interviews, as well as collecting data. Once data is collected, the book provides labs on analyzing and interpreting both quantitative and qualitative data. Finally, the section on reporting offers advice on effectively communicating research findings, including the appropriate structure and style for research reports.



BASIC MODELLING OF ARCHITECTURE

Ts. NUR FAEZAH BINTI YAHYA

Ts. MOHD SUFYAN BIN ABDULLAH

Ts. Dr. PENIEL ANG SOON ERN

Ir. Ts. Dr. MOHAMAD HAIRI BIN OSMAN

978-629-490-096-7

This book is a comprehensive guide designed for beginners exploring Autodesk Revit software in architectural modelling. It begins by explaining the Revit user interface, an essential aspect for users to familiarize themselves with the tools provided, their organization, and how to optimize efficiency. Subsequently, the book proceeds to modelling architecture, covering topics such as project creation, constructing elevation and gridlines, wall, and floor modelling, inserting doors and windows, constructing staircases, creating railings, ceilings, and roofs. Furthermore, this book guides users through inserting building components, creating sections, and generating construction documents complete with tagging, annotation, and scheduling features. At the end of this book, there are exercise questions that offer opportunities for practical application. In conclusion, this book offers hands-on learning experiences, empowering both students and beginners using Autodesk Revit Architecture to proficiently navigate Revit and produce detailed architectural models and documentation.

Terbitan Terkini



QUALITY CONTROL 1 INTRODUCTION TO QC TOOLS AND TECHNIQUES

PROF. MADYA Ts. Dr. MD FAUZI BIN AHMAD @ MOHAMAD

978-629-490-110-0

Welcome to the world of Quality Control - a journey into the heart of ensuring excellence in products and processes. This book delves into the fundamental principles, methodologies, and best practices that drive the pursuit of unparalleled quality across industries. Quality control is not just a process; it is a mindset that embodies the relentless pursuit of perfection. In today's competitive landscape, delivering high-quality products and services is no longer an option; it is a necessity. This book is designed to equip readers with a comprehensive understanding of quality control principles and how they can be applied to drive continuous improvement and achieve customer satisfaction. The primary aim of this book is to provide a valuable resource for students, professionals, and quality enthusiasts alike, seeking to deepen their knowledge and expertise in the realm of quality control. I hope this book inspires you to embrace the spirit of continuous improvement, to strive for excellence in all your endeavors, and to embrace the transformative power of quality control. Remember, quality control is not just a practice; it is a commitment to excellence - a commitment we make to ourselves, our customers, and the world at large.

Let the journey begin.

